

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 3 TAHUN 2021**

**KEPUTUSAN KES SAMAN PEMULA NO.: DA-24NCVC-34-01 TAHUN 2020 DI
MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU BERKENAAN DENGAN
PERLAKSANAAN PERINTAH PENAMATAN PEMILIKAN BERSAMA (PECAH
BAHAGIAN TANAH) DI BAWAH SEKSYEN 145 KANUN TANAH NEGARA 1965**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-25 Tahun 2020 yang bersidang pada 02 Disember 2020 melalui Kertas Bil. 25/2020/D 17 (155) telah membuat keputusan bersetuju meluluskan kertas makluman keputusan kes Saman Pemula No.: DA-24NCVC-34-01 tahun 2020 di Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu berkenaan dengan pelaksanaan perintah penamatan pemilikan bersama (pecah bahagian tanah) di bawah seksyen 145 Kanun Tanah Negara 1965.

2. Mahkamah Tinggi Malaya melalui kes Saman Pemula No: DA-24NCVC-237-06/2016 telah membenarkan permohonan pecah bahagian dan telah mengeluarkan Perintah seperti yang dipohon yang mana terdapat pemilik-pemilik tanah yang memperoleh lebih daripada satu lot tanah setelah pecah bahagian dilaksanakan.

3. Perkara ini telah dirujuk kepada YB Dato' Penasihat Undang-Undang yang menyatakan bahawa Perintah tersebut dibuat di bawah seksyen 145 Kanun Tanah Negara 1965 untuk tujuan pecah bahagian. Namun, pelan yang disertakan

bersama Perintah tersebut adalah pelan cadangan pecah sempadan dan bukan pelan pecah bahagian.

4. Oleh itu, suatu permohonan rujukan Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 419 Kanun Tanah Negara telah dibuat oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian.

5. Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu pada 21 Oktober 2020 telah membuat keputusan membenarkan kesemua permohonan tersebut dan memerintahkan seperti yang berikut:

- (a) Bahawa perintah Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Kota Bharu bertarikh 17 April 2018 melalui kes Saman Pemula No.: DA-24NCVC-237-06/2016 adalah suatu perintah yang tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah Kota Bharu kerana Perintah tersebut telah terjumlah kepada perintah pecah sempadan;
- (b) Bahawa Perintah tersebut tidak perlu dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah Kota Bharu memandangkan Pentadbir Tanah Kota Bharu tidak dinamakan sebagai pihak dalam permohonan tersebut;
- (c) Bahawa hanya Pengarah Negeri dan Pentadbir Tanah yang mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan pecah sempadan tanah di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan semua permohonan berkait pecah sempadan tanah perlu dibuat di Pejabat Tanah/Pejabat Pengarah Tanah dan Galian mengikut mana yang sesuai.

6. Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu juga merumuskan penghakimannya seperti yang berikut:

- (a) Mahkamah menyatakan bahawa Pentadbir Tanah Kota Bharu atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan yang tidak dinamakan

sebagai pihak dalam prosiding tidak terikat untuk melaksanakan Perintah Mahkamah.

- (b) Mahkamah menyatakan bahawa Perintah dalam kes Saman Pemula No.: DA-24NCVC-237-06/2016 adalah cacat dan tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang kerana perintah tersebut adalah untuk memecah sempadan dan bukannya perintah pecah bahagian yang mana mahkamah tidak berbidang kuasa membuat perintah sedemikian. Jika badan legislatif berniat untuk memberi kuasa tersebut kepada mahkamah, maka peruntukan seperti di dalam seksyen 145 Kanun Tanah Negara 1965 akan turut dimasukkan di dalam seksyen 135 Kanun Tanah Negara 1965.

7. Sehubungan dengan itu, Pentadbir-Pentadbir Tanah di Negeri Kelantan hendaklah melaksanakan tindakan seperti yang berikut ketika menerima dan memproses permohonan-permohonan di bawah seksyen 145 KTN 1965:

(a) **Permohonan-Permohonan Yang Telah Diterima**

- (i) Bagi Permohonan yang telah diterima oleh Pentadbir Tanah sebelum keputusan ini dikeluarkan, jika pelan yang dikembarkan telah terjumlah kepada pelan pecah sempadan, Pentadbir Tanah atau Pengarah Negeri boleh menolak permohonan tersebut.
- (ii) Jika Pentadbir Tanah atau Pengarah Negeri berhasrat untuk meluluskan permohonan tersebut, ia hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan seperti dinyatakan oleh seksyen 136 Kanun Tanah Negara 1965.

- (iii) atau secara alternatifnya, jika Pentadbir Tanah berpendapat ia adalah bersesuaian, Pentadbir Tanah boleh memproses permohonan tersebut melalui kaedah serah balik keseluruhan tanah dibawah seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965 dan diberimilik semula kepada setiap penama yang **dipersetujui** mengikut umpukan masing-masing dibawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 dengan tertakluk kepada premium dan bayaran-bayaran yang terjadual di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 atau mana-mana Pekeliling yang berkuatkuasa.

(b) **Permohonan Baharu**

- (i) Jika permohonan yang ingin dikemukakan kepada Pentadbir Tanah terhasil daripada Perintah Mahkamah dibawah seksyen 145 yang mana perintah tersebut terjumlah kepada pecah sempadan tanah DAN Pentadbir Tanah/Pengarah Negeri tidak dinamakan sebagai pihak, maka, Pentadbir Tanah hendaklah **menolak** permohonan tersebut untuk diproses dibawah seksyen 145 Kanun Tanah Negara 1965.
- (ii) Walaubagaimanapun, jika permohonan tersebut selaras dengan kehendak seksyen 145 serta tidak bercanggah dengan peruntukan seksyen 140(1)(a) dan seksyen 141(1)(b), walau dalam keadaan Pentadbir Tanah/Pengarah Negeri tidak dinamakan sebagai pihak sekalipun, Pentadbir Tanah bolehlah memproses permohonan tersebut sebagaimana lazim. Tindakan Pentadbir Tanah menerima permohonan ini tidaklah mengikat Pentadbir Tanah untuk mematuhi Perintah Mahkamah tersebut sebagaimana diterangkan dalam para 6 (a) di atas.

8. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan diminta untuk melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-25 Tahun 2020 sebagaimana yang ditetapkan.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K (Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU,
KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.3/1/52/JLD. 2
BERTARIKH: 18 JANUARI 2021